

20/12/2003

Karnival bebas cukai sedia 400 unit gerai

Haswari Ali

BUKIT JALIL terus meriah dengan pelbagai acara menarik sepanjang tahun. Selepas digegarkan dengan persembahan Disney On Ice Beauty & The Beast serta persembahan muzikal Riverdance, Kompleks Sukan Negara (KSN) di Bukit Jalil akan menjadi tumpuan lagi dengan acara Karnival Beli-Belah Bebas Cukai Jualan Ke-14.

Tentunya banyak barangan yang boleh dibeli kerana sebanyak 200 unit gerai berhawa dingin serta 200 lagi gerai terbuka mengambil bahagian pada karnival yang dianjurkan buat pertama kalinya oleh Imagine Pictures Sdn Bhd.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Hani Mohsin Hanafi, dalam sidang media karnival itu berkata, pihaknya cukup berbesar hati dan berterima kasih kepada penganjur kerana memberi kepercayaan kepada syarikatnya mengendalikan karnival itu tahunan itu pada kali ini.

"Tahun ini kami mensasarkan pertambahan bilangan pengunjung ke angka lebih tinggi iaitu daripada dua juta kepada tiga juta pengunjung selama 17 hari ia berjalan," katanya.

Karnival yang dianjurkan sejak 1999 ini, berlangsung di tapak letak kereta A, KSN mulai 16 Disember lalu hingga 1 Januari depan.

Bersesuaian dengan namanya, karnival ini menyediakan pelbagai produk berjenama seperti aksesori, barangan elektrik, pakaian, tekstil, barangan kulit, hiasan rumah, kraftangan, kosmetik dan alat telekomunikasi dengan harga berpatutan bagi semua status pengguna.

Lebih meriah, pameran automobil yang menarik turut diadakan. Dalam pameran itu, pengunjung dapat menyaksikan motosikal yang dihadiahkan MOFAZ Malaysia kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Acara lain yang menanti seperti Pertandingan Kereta Kancil Tercantik, Pertandingan Minum Air Bergas serta cabutan bertuah bagi pengunjung ke sejuta, dua juta dan tiga juta.

"Seperti satu kemestian, satu pentas terbuka disediakan untuk pengunjung menikmati persembahan hiburan daripada 22 artis tanah air yang muncul mengikut giliran setiap hari. Mereka termasuklah kumpulan Iklm, Akar, May, Syura, Iwan dan May," katanya.

Karnival itu dibuka mulai jam 10 pagi sehingga 10 malam dan masuk adalah percuma. Untuk maklumat lanjut hubungi 03-4251 7118.